



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KETUA MENTERI RASMI PEMBUKAAN SEKSYEN JULAU LEBUH RAYA PAN BORNEO SARAWAK

JULAU, SARAWAK : Seksyen Julau Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak dibuka dengan rasminya pada hari ini dengan majlis perasmian disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg bersama Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Pembinaan LPB bagi Kontrak Pakej Kerja atau Work Package Contract (WPC) 07 Seksyen Julau, sepanjang 28.5 km melibatkan kos pembinaan sebanyak RM537.4 juta. Ia adalah sebahagian daripada keseluruhan tiga (3) jajaran WPC07 dari Persimpangan Bintangor ke Jambatan Sungai Kua sepanjang 75 kilometer. Secara keseluruhan, skop pembinaan jalan ini akan melibatkan kerja-kerja menaiktaraf daripada dua lorong dua hala (single carriageway) kepada empat lorong dua hala (dual carriageway).

Apabila keseluruhan jajaran WPC07 siap kelak, ia akan menyediakan akses perhubungan darat yang selesa dan cekap terutama kepada penduduk di sekitar kawasan Sarikei dan Bintangor ke Kanowit dan Sibul. Laluan ini juga akan membantu dalam mempermudah urusan logistik dan pasaran hasil pertanian khususnya di kawasan Julau. Kesalinghubungan jaringan pengangkutan yang baik secara tidak langsung akan merangsang aktiviti sosioekonomi penduduk setempat, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan sekali gus mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah.

Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan Kementerian Kerja Raya sebagai pemilik projek dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak selaku Pegawai Penguasa Projek. Projek ini adalah satu komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mewujudkan pembangunan yang mampan, seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat, etnik dan wilayah. Ini selaras dengan Teras Strategik Keenam di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 iaitu Keterangkuman Wilayah.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
20 NOVEMBER 2021**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur